

mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya masing-masing oleh Akta Bekalan Gas 1992."

Seksyen
baru 27A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 27, seksyen baru 27A yang berikut:

"Bahagian VI tidak terpakai bagi pemegang lesen di bawah Akta Bekalan Gas 1992 Akta 27A. (1) Bahagian ini tidaklah boleh terpakai bagi mana-mana orang yang memegang lesen di bawah Akta Bekalan Gas 1992 untuk pembekalan gas kepada pengguna-pengguna melalui talian paip dari tangki atau silinder penstoran yang digunakan khusus bagi penyeliratan gas ke mana-mana radas di mana-mana premis.

(2) Bagi maksud seksyen ini, istilah "gas", "pengguna" dan "talian paip" hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya masing-masing oleh Akta Bekalan Gas 1992."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 1* bertujuan membuat peruntukan bagi tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang.

3. *Fasal 2* bertujuan memasukkan seksyen baru 18A untuk menidakkpakaikan peruntukan Bahagian V Akta bagi pembekalan gas kepada pengguna melalui talian paip di bawah Akta Bekalan Gas 1992. Bahagian V Akta membuat peruntukan bagi pengangkutan petroleum melalui talian paip. Dengan kemasukan seksyen baru 18A bermakna gas yang hendak dibekalkan kepada pengguna melalui talian paip di bawah perenggan 1(3)(a) dan (b) Akta Bekalan Gas 1992, iaitu ke hilir dari bebibir penghujung stesen pintu kota atau dari tangki atau silinder penstoran yang digunakan khusus bagi penyeliratan gas ke mana-mana radas di mana-mana premis, tidak akan diliputi oleh Akta. Ini akan mengelakkan pertindihan bidang kuasa antara dua Akta itu.

PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH KESELA.MATAN) 3
(PINDAAN)

4. *Fasal 3* bertujuan mengadakan seksyen baru 27A kepada Bahagian VI Akta. Antara lain, ini akan menidakpakaikan peruntukan subseksyen 19(1) Akta kepada mana-mana orang yang memegang suatu lesen di bawah Akta Bekalan Gas 1992 bagi pembekalan gas kepada pengguna melalui talian paip dari tangki atau silinder penstoran yang digunakan khusus bagi penyeliratan gas ke mana-mana radas di mana-mana premis. Ini akan memastikan bahawa seseorang yang telah mendapat suatu lesen di bawah Akta Bekalan Gas 1992 bagi maksud-maksudnya tidak akan dikehendaki mendapatkan lesen lain di bawah Akta bagi penstoran atau pengendalian petroleum.

Dengan pengadaaan seksyen baru 27A, ia juga bermaksud bahawa segala peruntukan mengenai penstoran dan pengendalian petroleum dalam Bahagian VI berhubungan dengan pembekalan gas kepada pengguna melalui talian paip akan diuruskan secara berasingan di bawah Akta Bekalan Gas 1992 dan peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawahnya.

IMPLIKASI KEWANCAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1731.]